

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN**

**RUJUKAN : 9447**

**SOALAN:**

**Dr. Haji Izani bin Haji Husin [ Pengkalan Chepa ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan apakah penyelesaian terhadap kes  
jenayah tembakan di tempat awam yang semakin berleluasa sekarang.**

## **JAWAPAN:**

**Kementerian Dalam Negeri (KDN) mengambil serius tentang apa jua situasi keselamatan dan ketenteraman awam yang berlaku dalam negara khususnya perlakuan jenayah melibatkan penggunaan senjata api.**

**Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa menjalankan operasi berterusan untuk mengesan dan menangkap penjenayah. Kejadian tembakan di tempat awam masih lagi terkawal walaupun sering dihangatkan oleh media.**

**Pelbagai usaha dan inisiatif telah diambil oleh PDRM dan agensi penguatkuasa yang lain untuk mengekang jenayah ini seperti berikut:**

- i. mendirikan beberapa *Ballistic Sentry Post* di sempadan Malaysia-Thailand (Kedah dan Perlis) bagi mengawal penyeludupan senjata api;**
- ii. menubuhkan Unit Risikan Sempadan (URS) bagi menangani kes-kes penyeludupan senjata api, penyeludupan manusia dan kenderaan;**
- iii. meningkatkan operasi dalam Op Cantas Khas dengan menggabungkan pasukan khas dalam PDRM seperti STAFOC, STAGG dan STING mengambil kira penggunaan senjata api digunakan dalam kebanyakan aktiviti jenayah;**

- iv. memperhebat operasi melalui Op Api bagi mengesan senjata api yang cuba diseludupi masuk dan Op Laras bagi mengesan senjata api dalam negara termasuk senjata api buatan sendiri;**
- v. mewajibkan semua senjata api berlesen mendaftar dengan pihak Forensik PDRM bagi tujuan kawalan dan membantu siasatan; dan**
- vi. mengambil tindakan di bawah POCA, AMLATFA dan SOSMA bagi tujuan pencegahan aktiviti melibatkan penggunaan senjata api.**

**Kementerian juga berkerjasama dengan pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk memantau integriti pegawai penguatkuasa di sempadan dan menentukan mereka tidak terlibat dengan penyeludup atau penyalahgunaan kuasa semasa menjalankan tugas.**